

BAB EMPAT

BAB 4

KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN KAKITANGAN UiTM, SHAH ALAM TERHADAP KONSEP *AL-SAKHĀ'*

4.1 PENGENALAN


Bab keempat memaparkan latar belakang responden, kefahaman responden mengenai konsep *al-sakhā'* dan aset, penghayatan responden terhadap amalan *al-sakhā'*, kesan penglibatan responden dalam amalan *al-sakhā'* serta pendekatan untuk menggalakkannya dan korelasi.

4.2 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Penulis telah mengedarkan borang kaji selidik sebanyak 1000 set dan hanya mendapat balik sebanyak 315 set borang sahaja. Borang-borang ini telah diedarkan kepada kakitangan akademik dan pentadbiran di Bahagian dan Kajian UiTM, Shah Alam, Selangor berdasarkan jumlah mereka dengan tidak melebihi 100 set di setiap Kajian dan Bahagian. Jawapan yang diberikan oleh responden ini boleh dianggap mewakili keseluruhan kakitangan UiTM, Shah Alam, Selangor. Dalam bahagian ini dipaparkan butir-butir peribadi responden berdasarkan jawapan yang diberikan bagi soalan 1 hingga 5 dalam borang kaji selidik. Sila lihat lampiran.

4.2.1 Usia


RAJAH 4.2.1.1: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT USIA



Taburan responden mengikut usia adalah seperti berikut: Seramai 5 orang (1.6%) berusia 20 tahun ke bawah, 51 orang (16.2%) berusia antara 21 hingga 30 tahun, 166 orang (52.7%) berusia antara 31 hingga 40 tahun, 81 orang (25.7%) berusia antara 41 hingga 50 tahun dan 12 orang (3.8%) berusia 51 tahun ke atas. Responden yang berusia antara 31 hingga 40 tahun merupakan golongan teramai yang memberi respon berbanding dengan responden yang berusia 20 tahun ke bawah dan 51 tahun ke atas. Perbezaan usia di kalangan mereka memberi kesan di segi kefahaman dan penghayatan mengenai konsep *al-sakhā'* ini kerana perbezaan tahap pendidikan, pengalaman, pendapatan dan sebagainya.

4.2.2 Jantina


RAJAH 4.2.2.1: TABURAN RESPONDEN MENURUT JANTINA



Taburan responden mengikut jantina ialah seramai 121 orang (38.4%) terdiri dari kaum lelaki dan 194 orang (61.6%) terdiri dari kaum wanita. Bilangan kaum wanita lebih ramai memberi respon berbanding dengan kaum lelaki kerana pada masa kini bilangan wanita yang berkhidmat di universiti ini melebihi jumlah kaum lelaki. Faktor perbeaan jantina ini boleh mempengaruhi penghayatan mereka terhadap konsep *al-sakhā'* ini kerana wujudnya perbeaan pendapat, kecenderungan dan lain-lain.

4.2.3 Status Perkahwinan


RAJAH 4.2.3.1: TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN STATUS PERKAHWINAN



Taburan responden mengikut status perkahwinan ialah seramai 277 orang (87.9%) telah berkahwin dan 38 orang (12.1%) masih bujang. Tahap kematangan pemikiran di antara responden yang telah berkahwin dan belum berkahwin adalah berbeza. Justeru itu perbezaan status ini akan mempengaruhi cara pemahaman dan penghayatan mereka terhadap konsep *al-sakhā'*.

4.2.4 Profesion


RAJAH 4.2.4.1: TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN PROFESION



Taburan responden mengikut profesion ialah seramai 131 orang (41.6%) adalah kakitangan akademik dan 184 orang (58.4%) merupakan kakitangan pentadbiran. Bilangan responden dari kakitangan akademik lebih rendah berbanding dengan kakitangan pentadbiran. Ini disebabkan jumlah mereka kurang daripada jumlah kakitangan pentadbiran dan semasa borang kaji selidik ini diedarkan, ramai di kalangan mereka sedang bercuti sempena cuti semester universiti. Latar belakang dan tahap pendidikan yang berbeza di antara mereka melahirkan kefahaman serta pengamalan yang berbeza tentang konsep *al-sakhā'*.

4.2.5 Pendapatan Bulanan

RAJAH 4.2.5.1: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT PENDAPATAN BULANAN



Taburan pendapatan bulanan responden seperti berikut. Seramai 7 orang (2.2%) berpendapatan RM 500 ke bawah, 48 orang (15.2%) berpendapatan antara RM 501 hingga RM 1000, 81 orang (25.7%) berpendapatan antara RM 1001 hingga RM 1500, 54 orang (17.1%) berpendapatan antara RM 1501 hingga RM 2000, 31 orang (9.8%) berpendapatan antara RM 2001 hingga RM 2500 dan 94 orang (29.8%) berpendapatan RM 2501 ke atas. Pendapatan yang diterima

responden secara tidak langsung mempengaruhi mereka dalam penghayatan *al-sakhā'* terutama amalan yang berkaitan dengan aset harta.

4.3 KEFAHAMAN RESPONDEN MENGENAI KONSEP *AL-SAKHĀ'* DAN ASET

Seterusnya dilaporkan mengenai kefahaman responden mengenai definisi *al-sakhā'*, aset dan perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan aset dengan merujuk kepada jawapan responden untuk soalan 6 hingga 16. Sila lihat lampiran.

4.3.1 Kefahaman Responden Tentang Definisi *al-Sakhā'*


JADUAL 4.3.1.1: KEFAHAMAN RESPONDEN TENTANG DEFINISI *AL-SAKHĀ'*

NO.	DEFINISI	JUMLAH	PERATUS
1.	Murah hati atau dermawan.	89	28.3%
2.	Bermurah hati dengan harta dan apa yang ada padanya kerana Allah s.w.t.	89	28.3%
3.	Pemurah iaitu memberikan harta sebagai tambahan dari yang wajib.	20	6.3%
4.	Pemurah iaitu berbuat baik kepada rakan dan bersifat pemurah dengan harta.	20	6.3%
5.	Bermurah hati iaitu menunaikan hak-hak Allah s.w.t. dengan niat dan kemahuan sendiri serta ketaatan kepadaNya.	97	30.8%

Sebanyak 28.3% memahami maksud *al-sakha'* berdasarkan pengertian dari kamus, 28.3% sepakat dengan Hasan al-Basri, 6.3% memilih pandangan Drs. Barmawie Umary, 6.3% sepakat dengan Sufyan ibn 'Uyainah dan 30.8% bersepakat dengan 'Ali ibn Husain. Bilangan terbanyak memahami konsep ini dengan pandangan yang terakhir kerana definisi ini lebih jelas. Jawapan yang diberikan mempengaruhi mereka dalam pengamalan *al-sakha'* berbanding dengan responden yang memahaminya dengan maksud lain. Definisi-definisi yang lain juga betul kerana bidang amalan *al-sakha'* adalah luas.

4.3.2 Sumber Maklumat Mengenai Konsep *al-Sakha'*

RAJAH 4.3.2.1: SUMBER MAKLUMAT *AL-SAKHA'*



Kebanyakan responden mendapat maklumat daripada kawan-kawan (36.5%) berbanding dengan ibu bapa. Kemungkinan komunikasi mereka lebih akrab dengan rakan-rakan terutamanya rakan sekerja dan dapat berkongsi maklumat sesama mereka.

4.3.3 Kefahaman Responden Mengenai Definisi Aset

JADUAL 4.3.3.1: KEFAHAMAN MENGENAI DEFINISI ASET

NO.	DEFINISI	JUMLAH	PERATUS
1.	Wang tunai dan harta benda yang dimiliki.	90	28.6%
2.	Suatu ciri sifat istimewa yang bernilai atau berguna pada seseorang dan lain-lain.	55	17.5%
3.	Harta, kepunyaan, sesuatu yang bernilai.	170	54.0%

Seramai 170 orang (54.0%) berpendapat aset merangkumi harta, kepunyaan, sesuatu yang bernilai. Definisi ini merangkumi kedua-dua definisi yang lain. Responden yang berpendapat aset hanya melibatkan wang dan harta yang dimiliki akan melibatkan diri mereka dengan pengamalan *al-sakħā* yang berbentuk material semata-mata tetapi pengamalan responden yang lain merangkumi semua aspek.

4.3.4 Kefahaman Responden Mengenai Faedah Harta Berkaitan dengan Urusan Akhirat

JADUAL 4.3.4.1: KEFAHAMAN MENGENAI FAEDAH HARTA BERKAITAN DENGAN URUSAN AKHIRAT

NO.	KENYATAAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Harta yang dibelanjakan untuk kepentingan diri sendiri dalam hal peribadatan.	26	8.3%
2.	Harta yang dibelanjakan untuk kegunaan orang lain.	34	10.8%
3.	Harta yang dibelanjakan untuk projek tertentu yang membawa kepada maslahat orang ramai.	35	11.1%
4.	Semua kenyataan di atas.	220	69.8%

Pandangan terbanyak menyatakan bahawa kesemua perkara yang dinyatakan adalah faedah harta bagi urusan berkaitan dengan agama dan akhirat. Pendapat ini bertepatan dengan pandangan para sarjana di dalam tulisan-tulisan mereka iaitu faedah harta berkaitan dengan urusan agama melibatkan kesemua aspek yang disebut di dalam jadual di atas.

4.3.5 Kefahaman Responden Mengenai Bencana Harta Berkaitan dengan Urusan Agama

JADUAL 4.3.5.1: KEFAHAMAN MENGENAI BENCANA HARTA BERKAITAN DENGAN URUSAN AGAMA

NO.	KENYATAAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Harta itu mendorong pemiliknya melakukan maksiat dan kecurangan.	17	5.4%
2.	Harta itu mendorong seseorang untuk menurut hawa nafsu dan keinginan dalam mengecap kenikmatan yang diharuskan secara melampaui batas.	43	13.7%
3.	Urusan memperbanyakkan harta melalaikan diri individu dari mengingati Allah s.w.t.	59	18.7%
4.	Semua kenyataan di atas.	196	62.2%

Peratusan tertinggi memilih bahawa kesemua perkara yang dinyatakan ini merupakan bala harta berhubung dengan urusan keagamaan dan keakhiratan. Pandangan ini adalah tepat dan sependapat dengan ulama di dalam kitab-kitab mereka.

4.3.6 Kefahaman Responden Mengenai Bencana Harta Berkaitan dengan Urusan Dunia

JADUAL 4.3.6.1: KEFAHAMAN MENGENAI BENCANA HARTA BERKAITAN DENGAN URUSAN DUNIA

NO.	KENYATAAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Bimbang kehabisan harta dan berasa sedih apabila harta tidak bertambah.	75	23.8%
2.	Bekerja dengan tekun untuk menambahkan harta dan menahannya dari berbelanja.	49	15.6%
3.	Sentiasa memikirkan cara-cara untuk bertindak terhadap rakan kongsi.	10	3.2%
4.	Semua kenyataan di atas.	181	57.5%

Bilangan terbanyak menyatakan bahawa kesemua unsur yang disebutkan di atas membawa kepada bencana harta berkaitan dengan urusan dan hal keduniaan. Pendapat ini bersamaan dengan pandangan sarjana-sarjana di dalam tulisan-tulisan mereka iaitu faedah harta berkaitan dengan urusan agama melibatkan kesemua aspek yang disebut di dalam jadual di atas.

4.3.7 Kefahaman Responden Mengenai Konsep Sedekah

JADUAL 4.3.7.1: KEFAHAMAN MENGENAI SEDEKAH

NO.	KENYATAAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Seluruh bentuk kebaikan dan keihsanan adalah sedekah iaitu berpahala.	102	32.4%
2.	Setiap perkara yang baik itu sedekah.	71	22.5%
3.	Sedekah dalam keadaan sihat dan berkeinginan untuk memiliki lebih besar pahalanya	22	7.0%
4.	Sedekah yang dilakukan bukanlah untuk kepentingan Tuhan Yang Maha Kaya tetapi untuk kepentingan dan kebaikan hambaNya sendiri sama ada di dunia atau akhirat.	48	15.2%
5.	Amalan bersedekah hendaklah dilakukan secara rahsia kerana pahalanya berganda berbanding dengan pahala sedekah secara berterang-terangan dan ia lebih diutamakan.	72	22.9%

Kefahaman tertinggi seramai 102 orang (32.4%) menyatakan bahawa segala bentuk kebaikan dan keihsanan merupakan sedekah iaitu diberi pahala apabila dilakukan. Kenyataan ini berkaitan dengan pengertian sedekah secara umum.

4.3.8 Kefahaman Responden Mengenai Konsep Pinjaman

JADUAL 4.3.8.1: KEFAHAMAN MENGENAI PINJAMAN

NO.	KENYATAAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Allah menjanjikan ganjaran pahala pinjaman dengan bayaran pahala berlipat-ganda.	39	12.4%
2.	<i>Qard al-Hasan</i> atau pinjaman yang baik adalah pinjaman yang dihulurkan oleh seorang Islam yang berada kepada orang Islam lain yang memerlukan pertolongannya kerana menghadapi masalah kewangan yang berat.	194	61.6%
3.	Pinjaman yang baik dapat menutup dosa-dosa yang dilakukan.	35	11.1%
4.	Pinjaman merupakan salah satu dari jenis pengagihan harta dan digalakkkan Islam.	47	14.9%

Majoriti responden memahami konsep *Qard al-Hasan* atau pinjaman yang baik iaitu seramai 194 orang (61.6%). *Qard al-Hasan* adalah satu kaedah urusan pinjaman wang di dalam Islam. Dengan cara ini umat Islam yang bermasalah dapat meringankan bebanan yang mereka hadapi.

4.3.9 Kefahaman Responden Mengenai Menjaga Maruah dan Kedudukan Berkaitan dengan Aset

JADUAL 4.3.9.1: KEFAHAMAN MENGENAI MENJAGA MARUAH DAN KEDUDUKAN

NO.	KENYATAAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Seseorang itu membelanjakan hartanya dengan mengadakan undangan jamuan makan, memberi hadiah, pertolongan dan lain-lain sumbangan kepada orang yang berada, terhormat dan berpangkat di kalangan masyarakat.	23	7.3%
2.	Perkara ini ada manfaatnya menurut perspektif agama kerana mendatangkan faedah melalui perhubungan persaudaraan dan persahabatan	182	57.8%
3.	Ia termasuk di dalam perkara-perkara yang menghasilkan pahala yang besar.	36	11.4%
4.	Semua kenyataan di atas.	74	23.5%

Seramai 182 orang (57.8%) berpendapat menggunakan aset untuk memelihara dan maruah dan kedudukan bermanfaat menurut perspektif Islam kerana dapat menjalinkan persaudaraan dan persahabatan. Menurut pendapat sarjana-sarjana Islam maksud dan faedah menjaga maruah dan kedudukan berhubung dengan aset melibatkan kesemua kenyataan yang tersebut di dalam jadual.

4.3.10 Pendapat Responden Tentang Membelanjakan Harta untuk Melindungi Kehormatan Diri

JADUAL 4.3.10.1: PENDAPAT MEMBELANJAKAN HARTA UNTUK MELINDUNGI KEHORMATAN DIRI

NO.	ALASAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Kerana sesuatu yang dibuat oleh seseorang untuk melindungi kehormatan dirinya dikira sebagai sedekah.	64	20.3%
2.	Kerana dengan berbuat demikian seolah-olah seseorang itu telah memelihara diri si pencaci daripada berdusta.	52	16.5%
3.	Kerana perkara itu menghentikan perbuatan jahat serta sikap permusuhan dan ia merupakan sebahagian dari keuntungan keagamaan.	78	24.8%
4.	Kesemua alasan di atas.	121	38.4%

Hanya 121 orang (38.4%) memilih kesemua alasan yang telah diberikan di atas sebagai sebab untuk membelanjakan harta bagi melindungi kehormatan diri. Alasan-alasan ini bertepatan dengan pandangan ulama di dalam tulisan-tulisan mereka. Antara perkara yang perlu dilindungi di dalam Islam ialah kehormatan diri selain dari agama, nyawa, harta dan keturunan.

4.3.11 Kefahaman Responden Mengenai Wakaf

JADUAL 4.3.11.1: KEFAHAMAN MENGENAI WAKAF

NO.	KENYATAAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Harta yang dibelanjakan oleh seseorang untuk mengadakan projek tertentu yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai disebut harta wakaf.	75	23.8%
2.	Ia memberikan keberkatan serta ganjaran pahalanya kekal berpanjangan walaupun selepas meninggal dunia selagi sumber atau projek itu masih digunakan oleh orang ramai.	107	34.0%
3.	Harta wakaf mesti mempunyai ciri-ciri jelas jenis dan pemilikannya, dihalalkan Islam, bersifat kekal fizikalnya dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain dari yang disyaratkan.	79	25.1%
4.	Harta wakaf yang tidak disebut penggunaannya hendaklah digunakan selaras dengan kehendak syarak dan hasil dari harta wakaf adalah untuk faedah umum atau khusus.	54	17.1%


Peratusan terbanyak menyatakan wakaf memberikan keberkatan dan ganjaran pahalanya kekal berpanjangan selagi projek atau sumber tersebut masih dimanfaatkan. Tidak dapat dinafikan faedah melaksanakan amalan wakaf. Hadis-hadis Nabi juga banyak menggalakkan umat Islam dalam bersedekah jariah terutama sedekah yang pahalanya berkekalan.

4.4 PENGHAYATAN RESPONDEN TERHADAP AMALAN *AL-SAKHĀ'*

Dalam bahagian ini dijelaskan sejauh mana penghayatan dan pengamalan responden terhadap amalan *al-sakhā'* ini dalam kehidupan sehari-hari mereka berpandukan jawapan untuk soalan 17 hingga 20. Sila lihat lampiran.

4.4.1 Pandangan Responden Tentang Kepentingan *al-Sakhā'*


RAJAH 4.4.1.1: PANDANGAN KEPENTINGAN *AL-SAKHĀ'*



Seramai 192 orang (61.0%) memahami sifat *al-sakhā'* dengan baik dan menyatakan bahawa sifat ini amat penting. Sifat ini adalah sifat terpuji dan merupakan sifat Allah s.w.t. serta rasul-rasul-Nya.

4.4.2 Reaksi Responden Mengenai Penghayatan Amalan *al-Sakħā'*


RAJAH 4.4.2.1: PENGHAYATAN AMALAN *AL-SAKHĀ'*



Kesemua responden seramai 315 orang (100%) mengamalkan *al-sakħā'* dalam kehidupan harian mereka. Hanya 53 orang (16.8%) menghayati sifat *al-sakħā'* secara sangat baik. Golongan terbanyak iaitu 134 orang (42.5%) menghayatinya dengan sederhana. Penghayatan mereka terhadap konsep ini berbeza-beza mengikut tahap kefahaman dan pendidikan yang diterima.

4.4.3 Aktiviti Utama Responden dalam Amalan *al-Sakhâ'*

RAJAH 4.4.3.1: AKTIVITI UTAMA AMALAN *AL-SAKHÂ'*



Petunjuk:

A: Meminjamkan wang	E: Memberi hadiah
B: Meminjamkan barang	F: Bermuzakarah
C: Jamuan makan	G: Gotong-royong
D: Projek harta wakaf	H: Derma dan sedekah

Seramai 109 orang (34.6%) gemar memberikan derma dan sedekah jariah. Amalan ini adalah yang paling banyak dilakukan. Kemungkinan amalan ini mudah untuk dilaksanakan dan tidak memerlukan belanja yang banyak. Maksudnya semua golongan sama ada berpendapatan tinggi atau rendah boleh melakukannya.

4.5 KESAN PENGLIBATAN RESPONDEN DALAM AMALAN *AL-SAKHĀ'* DAN PENDEKATAN UNTUK MENGGALAKKANNYA

Seterusnya dikemukakan pandangan responden tentang faedah pengamalan *al-sakhā'*, masalah yang dihadapi dan cadangan penyelesaian yang boleh diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Laporan dan analisis ini berdasarkan jawapan bagi soalan 21 hingga 25. Sila lihat lampiran.

4.5.1 Pandangan Responden Mengenai Faedah Amalan *al-Sakhā'*

JADUAL 4.5.1.1: PANDANGAN FAEDAH AMALAN *AL-SAKHĀ'*

NO.	PANDANGAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Mendapat ganjaran pahala dan keampunan dari Allah s.w.t.	59	18.7%
2.	Memberi perkhidmatan dan membantu mengurangkan masalah individu dan masyarakat.	54	17.1%
3.	Menyuburkan harta kekayaan dan mengembangkan ilmu pengetahuan.	49	15.6%
4.	Membuktikan ketaatan kepada Allah s.w.t.	52	16.5%
5.	Mengikis sifat kedekut dan mementingkan diri sendiri.	101	32.1%

Pendapat tertinggi menyatakan sifat *al-sakhā'* ini menghapuskan sifat bakhil dan pentingkan diri sendiri. Sifat bakhil adalah berlawanan dengan sifat murah hati atau *al-sakhā'*. Apabila seseorang itu mengamalkan sifat murah hati maka terhapuslah sifat bakhil.

4.5.2 Faedah yang Diperolehi Responden dari Pengamalan *al-Sakhā'*

JADUAL 4.5.2.1 : FAEDAH PENGAMALAN *AL-SAKHĀ'*

NO.	FAEDAH	JUMLAH	PERATUS
1.	Mendapat ramai kawan dan rakan.	28	8.9%
2.	Disayangi oleh saudara-mara dan rakan-rakan.	32	10.2%
3.	Merasa tenang, tenteram dan bahagia.	128	40.6%
4.	Mendapat kepuasan kerana dapat beramal.	124	39.4%
5.	Tubuh badan sentiasa sihat.	3	1.0%

Peratusan tertinggi menyatakan bahawa faedah yang diperolehi hasil daripada pengamalan sifat *al-sakhā'* ialah ketenangan, ketenteraman dan kebahagiaan. Perkara ini mungkin disebabkan mereka telah menuaikan tanggungjawab untuk memanfaatkan aset kurniaan Allah s.w.t. dengan mengagihkan kepada sesama makhluk.

4.5.3 Cadangan Responden untuk Mendorong Kakitangan UiTM

Mengamalkan *al-Sakhā'*

JADUAL 4.5.3.1 : CADANGAN UNTUK MENDORONG PENGAMALAN *AL-SAKHĀ'*

NO.	CADANGAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Menjelaskan tentang tuntutan agama terhadapnya.	58	18.4%
2.	Menerangkan ganjaran dan faedah yang diperolehi hasil daripada pengamalannya.	58	18.4%
3.	Menerangkan keburukan sifat bakhil dan kemuliaan sifat pemurah.	59	18.7%
4.	Menjelaskan maksud aset dan bagaimana penggunaannya menurut perspektif Islam.	67	21.3%
5.	Mengingatkan bahawa segala kurniaan Allah s.w.t. mesti dimanfaatkan bersama.	73	23.2%

Cadangan utama yang dicadangkan untuk menggalakkan kakitangan UiTM mengamalkan konsep ini ialah mengingatkan bahawa semua rezeki kurniaan Allah s.w.t. perlu dimanfaatkan. Kebanyakan manusia mudah lupa apabila mereka memperolehi kesenangan. Oleh itu peringatan dan muhasabah hendaklah sentiasa dilakukan agar hidup direndai Allah s.w.t.

4.5.4 Halangan Responden dalam Mengamalkan *al-Sakhā'*

JADUAL 4.5.4.1 : HALANGAN DALAM PENGAMALAN
AL-SAKHĀ'

NO.	MASALAH	JUMLAH	PERATUS
1.	Kurang faham mengenai konsep ini dengan sebenar-benarnya.	157	49.8%
2.	Membuat tanggapan bahawa konsep ini hanya melibatkan aset harta sahaja.	53	16.8%
3.	Kurang jelas maksud aset yang sebenarnya dan bagaimana hendak digunakan.	76	24.1%
4.	Bersikap tidak suka campurtangan dalam urusan orang lain.	29	9.2%

Masalah utama responden dalam menghayati konsep ini ialah kurang faham mengenai konsep *al-sakhā'* dengan sebenar-benarnya. Diikuti dengan masalah kurang jelas tentang maksud aset dan kaedah pengagihannya. Kemungkinan kerana pendedahan kepada sifat ini kurang jelas terutama dari segi maksud istilah ini. Bagi responden yang tidak mengkaji istilah ini dengan lebih mendalam kemungkinan beranggapan bahawa konsep *al-sakhā'* hanya berkaitan dengan harta sahaja.

4.5.5 Cadangan Responden Untuk Menangani Masalah *al-Sakhā'*

JADUAL 4.5.5.1 : CADANGAN MENANGANI MASALAH


NO.	CADANGAN	JUMLAH	PERATUS
1.	Menghadiri majlis ilmu dan mendekatkan diri dengan ulama.	93	29.5%
2.	Melawan hawa nafsu dengan melatih diri mengamalkan sifat yang mulia ini.	45	14.3%
3.	Bermuhasabah dan menginsafkan diri tentang keburukan sifat bakhil.	38	12.1%
4.	Menyedarkan diri bahawa segala kurniaan adalah milik Allah s.w.t.	104	33.0%
5.	Membaca sirah nabi dan kisah para sahabat untuk diteladani sifat dermawan mereka.	35	11.1%

Saranan yang menjadi pilihan terbanyak untuk menangani masalah yang dihadapi berkaitan dengan amalan *al-sakhā'* adalah dengan menginsafkan diri bahawa rezeki milik mutlak Allah s.w.t. dan hanya sebagai pinjaman kepada manusia. Cadangan seterusnya ialah dengan menghadiri majlis ilmu dan mendekati ulama kerana dengan ini boleh memupuk sifat *al-sakhā'*. Responden ingin melakukan perkara ini untuk meningkatkan pengamalan *al-sakhā'*.

4.6 KORELASI

Sebelum ini telah dijelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman dan penghayatan responden terhadap konsep *al-sakhā'* ini. Dalam bahagian ini dibentangkan beberapa contoh berkaitan dengan perkara ini.


RAJAH 4.6.1 : KORELASI USIA DAN KEFAHAMAN



Carta dalam rajah 4.6.1 di atas menjelaskan perbezaan usia di kalangan responden telah mempengaruhi kefahaman responden mengenai konsep *al-sakhā'*. Sebanyak 41.7% responden yang berusia 51 tahun ke atas lebih memahamai konsep ini berbanding dengan responden yang berusia 20 tahun ke bawah iaitu 40%. Kemungkinan responden yang lebih berusia banyak membaca, menonton,


berkomunikasi dan lain-lain yang menyebabkan kefahaman mereka lebih tinggi berbanding dengan responden muda.

RATAH 4.6.2 · KORELASI PROFESION DAN KEFAHAMAN




Carta dalam rajah 4.6.2 di atas membezakan kefahaman *al-sakha'* di antara responden dari kakitangan akademik dan pentadbiran. Sebanyak 37.4% responden dari kakitangan akademik memahami konsep ini dengan baik berbanding hanya 34.8% responden dari kakitangan pentadbiran. Ini disebabkan tahap pendidikan mereka adalah berbeza serta kakitangan pentadbiran terdiri dari berbagai-bagai peringkat dan bilangan terbanyak terdiri daripada peringkat sokongan.

RAJAH 4.6.3 : KORELASI USIA DAN PENGHAYATAN




Graf di rajah 4.6.3 menggambarkan taburan penghayatan *al-sakha'* di antara responden yang berusia 20 tahun ke bawah dan 51 tahun ke atas. Responden yang berusia 20 tahun ke bawah lebih cenderung melaksanakan amalan *al-sakha'* ini melalui bermuzakarah, menolong kerja dan bergotong royong, menghulurkan derma dan sedekah manakala responden yang berusia 51 tahun ke atas memilih amalan memberikan pinjaman wang, mengadakan projek harta wakaf dan memberikan hadiah.

RAJAH 4.6.4 : KOLERASI JANTINA DAN PENGHAYATAN




Graf dalam rajah 4.6.4 menyatakan taburan pengamalan *al-sakha'* di antara responden lelaki dan perempuan. Responden lelaki melakukan amalan *al-sakha'* dengan cara meminjamkan wang, mengadakan projek harta wakaf dan bermuzakarah berbeza dengan responden wanita lebih gemar kepada meminjamkan barang-barang, mengadakan jamuan makan, memberi hadiah, menolong kerja dan bergotong royong serta memberi derma dan sedekah.

RAJAH 4.6.5 : KORELASI STATUS DAN PENGHAYATAN



Graf di rajah 4.6.5 memaparkan taburan penghayatan *al-sakha'* di antara responden yang sudah dan belum berkahwin. Responden yang telah mendirikan rumah tangga lebih suka melakukan amalan *al-sakha'* dengan kaedah meminjamkan barang, mengadakan jamuan makan, mengadakan projek harta wakaf serta memberi hadiah. Berbanding dengan responden yang masih bujang mereka gemar memberikan pinjaman wang, bermuzakarah, membantu kerja dan bergotong royong serta menghulurkan derma dan bersedekah.


RAJAH 4.6.6 : KORELASI PROFESION DAN PENGHAYATAN



Graf dalam rajah 4.5.6 menunjukkan taburan pengamalan responden yang terdiri dari kakitangan akademik dan pentadbiran. Responden yang terdiri daripada kakitangan akademik cenderung mengamalkan konsep *al-sakha'* ini dengan cara meminjamkan wang dan barang-barang, menganjurkan jamuan makan, mengadakan projek harta wakaf, memberi hadiah dan bermuzakarah. Responden daripada kakitangan pentadbiran pula lebih suka mengamalkan konsep

ini dengan cara menolong kerja dan bergotong royong serta memberikan derma dan sedekah jariah.

RAJAH 4.6.7 : KORELASI PENDAPATAN DAN PENGHAYATAN



Graf di rajah 4.5.7 menjelaskan taburan penghayatan responden dari golongan yang berpendapatan rendah dan tinggi. Responden yang berpendapatan RM 500 ke bawah melaksanakan amalan *al-sakha'* dengan kaedah memberikan bantuan kerja dan bergotong royong serta memberikan derma dan sedekah jariah.

Berbeza dengan responden yang berpendapatan RM 2501 ke atas yang lebih suka menjalankan aktiviti-aktiviti seperti memberi pinjaman wang dan barang-barang, mengadakan jamuan makan, mengadakan projek harta wakaf, memberi hadiah dan bermuzakarah.

Kesimpulannya sebilangan kecil kakitangan UiTM, Shah Alam memahami konsep *al-sakhā'*. Kakitangan UiTM ini juga menghayati dan mengamalkan *al-sakhā'* dalam kehidupan harian mereka dengan cara dan pengamalan yang berbagai-bagai. Kebanyakan mereka mengagihkan aset wang dan harta dengan cara berderma dan bersedekah. Masalah utama yang dihadapi oleh kakitangan UiTM, Shah Alam ialah kurang memahami konsep *al-sakhā'* ini dengan sebenar-benarnya. Mereka juga kurang jelas tentang pengertian aset dan kaedah penggunaannya menurut persektif Islam.

Cadangan yang disyorkan untuk mengatasi masalah ini ialah memberi kesedaran bahawa semua rezeki yang dimiliki adalah merupakan hak mutlak Allah s.w.t. semata-mata dan hanya sebagai pinjaman kepada umat manusia di alam maya ini. Di samping itu penjelasan yang terperinci mengenai konsep *al-sakhā'* perlu dilakukan. Mudah-mudahan dengan cara ini kakitangan UiTM, Shah Alam dapat menghayati sifat murah hati ini dengan sebaik-baiknya dalam kehidupan harian mereka tanpa mengambil kira masa dan tempat tertentu.